

21/10/2003

Abdullah tidak gentar hadapi kritikan Barat

Kadir Dikoh

PETALING JAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober ini, tidak gentar dengan kemungkinan menghadapi kritikan berterusan Barat ekoran kemarahan masyarakat Yahudi terhadap ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tugas dan tanggungjawab itu mesti dihadapinya meskipun ada pemimpin dunia tidak senang hati dengan ucapan Perdana Menteri pada perasmian Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Khamis lalu.

"Tugas mesti dihadapi, tugas adalah tanggungjawab dan tanggungjawab mesti dipikul... tugas dan tanggungjawab mesti dilaksanakan. Apa juga cabaran, kita perlu hadapi, takkan kita nak lari daripada cabaran pula," katanya selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Kelima Mengenai Perubatan Tradisional dan Ubat-ubatan Tambahan, di sini semalam.

Beliau diminta mengulas sama ada bebanan yang dipikulnya sebaik menyandang jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober ini, dimulakan dengan tugas berat berhadapan kritikan berterusan masyarakat antarabangsa berikutan kenyataan Dr Mahathir yang disifatkan sebagai anti-Yahudi.

Ditanya mengenai langkah pertama yang akan dilakukan Malaysia selaku Pengerusi OIC untuk membawa perubahan kepada pertubuhan 57 negara anggota itu, Abdullah berkata, sebarang tindakan akan berpandu kepada Deklarasi Putrajaya.

"Saya akan menjadi Pengerusi OIC mulai tahun depan. Saya ingat yang pentingnya adalah Deklarasi Putrajaya kerana di dalamnya sudah dijelaskan beberapa perkara yang perlu dilihat sebagai panduan yang kita harap akan dapat dilaksanakan oleh OIC nanti," katanya.

Beliau berkata, ketika ini sudah ada jawatankuasa yang akan memberi perhatian kepada langkah-langkah perlu diambil untuk menyusun semula organisasi atau sekretariat OIC supaya lebih berkesan.

Bagaimanapun katanya, soal memindahkan Sekretariat OIC dari Jeddah ke pusat pentadbiran Riyadh tidak timbul pada masa ini.

Sidang Kemuncak ke-10 OIC berakhir Jumaat lalu, dengan pemimpin 57 negara anggota sepakat untuk melaksanakan pelan tindakan 12 perkara bagi mengembalikan perpaduan, kesepakatan dan maruah ummah ketika dunia Islam menghadapi cabaran amat hebat.

Pelan tindakan merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial itu terkandung dalam Deklarasi Putrajaya.

Pemimpin OIC bersetuju menyemak dan menganalisis kedudukan pertubuhan itu berhubung isu-isu antarabangsa dan menggariskan strategi sesuai bagi mengukuhkan perpaduan mereka terutama pada forum antarabangsa.